

Submission date: 28 Julai 2023 Acceptance date : 22 September 2023 Available online: 5 Oktober 2023

PERSEDIAAN GOLONGAN HUFFAZ SEBAGAI PENDAKWAH DALAM MENERUSKAN KELESTARIAN PEMBANGUNAN ISLAM DI MALAYSIA

THE PREPARATION OF THE HUFFAZ AS PREACHERS IN CONTINUING THE SUSTAINABILITY OF ISLAMIC DEVELOPMENT IN MALAYSIA

*ⁱAbd Hadi bin Borham & ⁱⁱMohamad Marzuqi bin Abdul Rahim

^{i,ii}Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim Perak, Malaysia

Corresponding Author; e-mail: *abdhadiborham@fsk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v3.138>

ABSTRAK

Golongan huffaz merupakan golongan yang menjaga al-Quran atau lebih dikenali dengan mereka yang telah berjaya menghafaz al-Quran. Mereka sentiasa membaca dan menghafaz serta memahami isi kandungan ayat-ayat al-Quran. Allah s.w.t memberikan keistimewaan kepada seorang yang menjadi ahli al-Quran di dunia dan akhirat sebagaimana mafhum daripada hadith Nabi s.a.w bahawa al-Quran akan datang pada hari kiamat dan memberi syafaat kepada pembacanya (hadith riwayat Imam Muslim). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan bagi golongan huffaz sebagai pendakwah. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpul data melalui kajian kepustakaan. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan kaedah analisis kandungan (content analysis) mengikut tema persediaan sebagai pendakwah yang telah dibentuk. Hasil analisis mendapati persediaan golongan huffaz sebagai pendakwah ialah kekuatan iman, ilmu, amal soleh, berakhhlak yang meliputi bersikap benar, amanah, lemah lembut, ikhlas, tawaduk, tidak bakhil, melakukan apa yang disampaikan, penampilan personaliti, dan kemahiran lisan. Implikasi kajian menunjukkan golongan huffaz perlu melengkapi diri dengan memahami dan menghayati aspek rohani yang menjadi kekuatan diri sebagai pendakwah dalam menghadapi pelbagai cabaran. Dalam masa yang sama, golongan huffaz juga perlu membina kekuatan ilmu dan kemahiran agar dakwah dapat disampaikan dengan berkesan.

Kata Kunci: Persediaan, Huffaz, Pendakwah

ABSTRACT

The huffaz are those who read and memorize the Quran. They consistently read, retain and comprehend the meaning of the Quran's verses, according to the Prophet's s.a.w hadith that the Qur'an will appear on the Day of Judgment with particular assistance (syafaat) for Qu'ran readers (hadith narrated by Imam Muslim). Therefore, this study aims to analyze the needs of the huffaz group as preachers. The design of this study uses a qualitative method by collecting data through a literature review. The data obtained has been analyzed using the content analysis method according to the theme of preparation as a preacher that has been formed. The analysis results found that the preparation of the huffaz group as preachers is the strength of faith, knowledge, righteous deeds, and akhlaks which include being truthful, trustworthy, gentle, sincere, humble, not stingy, doing what is delivered, personality appearance, and verbal skills. The study's implications show that the huffaz need to complement themselves by understanding and appreciating the spiritual aspects that become their strength as preachers in facing various challenges. At the same time, the huffaz also need to build the strength of knowledge and skills so that da'wah can be delivered effectively.

Keywords: Preparation, Huffaz, Preachers

PENDAHULUAN

Pendakwah adalah orang yang berusaha mengajak atau menyeru manusia untuk mengesakan Allah dan mematuhi perintah Allah ataupun disebut 'dā'i'. Rasulullah s.a.w merupakan model pendakwah yang harus diikuti oleh pendakwah di setiap masa. Pendakwah mesti bertanggungjawab untuk menyampaikan dakwah kepada manusia dengan kemampuan kerana terdapat beberapa ayat perintah yang telah diwahyukan ditujukan kepada Rasulullah s.a.w turut meliputi umat baginda s.a.w melainkan jika terdapat pengecualian (Abdul Karim Zaydan, 1998). Berasaskan maksud ini, 'Abd al-Na'im (1984) menyatakan umat Islam adalah umat pendakwah dan bertanggungjawab sebagai mubaligh wahyu kepada manusia, sebagaimana hadith Nabi s.a.w:

عن عبد الله بن عمرو قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: بلغوا عني ولو آية وحدثوا عن بني إسرائيل ولا حرج ومن كذب علي متعمداً فليتبواً مقعده من النار

Maksudnya: "Daripada 'Abd Allah bin 'Amru berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w: "Sampaikanlah dari aku kepada sesiapa, walaupun satu ayat (sedikit), dan beritahulah kepada sesiapa mengenai Bani Israel tanpa rasa berat. Dan barangsiapa membohongi ke atas aku dengan sengaja, maka bersediahlah untuk masuk neraka." (Al-Bukhari, Muhammad Ismail Abu Abd Allah (1987), Sahih al-Bukhāri, "Kitab al-Anbiya". No. hadith 1710)

Dalam hadith di atas, Nabi s.a.w telah memerintahkan kepada umat Islam untuk menyampaikan mengenai Islam walaupun sepotong ayat. Golongan huffaz yang mempunyai kelebihan bacaan dan menghafaz seluruh al-Quran juga mempunyai peranan dalam konteks dakwah. Di samping mempunyai

kemahiran dalam mengajar dan menyampaikan ilmu-ilmu al-Quran dalam masyarakat, mereka juga berperanan dalam dakwah dengan membantu ke arah pembangunan pendidikan, sosial dan ekonomi secara tidak langsung. Dalam konteks hari ini, ramai golongan huffaz yang telah dihasilkan daripada pelbagai institusi tahfiz, sama ada di bawah kerajaan ataupun persendirian. Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga menyasarkan seramai 125,000 orang huffaz diperlukan menjelang tahun 2050. Ini menunjukkan sokongan dan usaha yang serius pihak kerajaan dalam melahirkan golongan huffaz melalui pelbagai program pendidikan di institusi-institusi tahfiz seluruh negara. Setelah itu, golongan huffaz akan memberikan khidmat bakti kepada masyarakat di Malaysia sebagai imam, ilmuan, guru, pentadbir, kumpulan profesional dan sebagainya. Secara tidak langsung mereka menjadi tempat rujukan masyarakat sehingga hari ini. Oleh itu, tulisan ini bertujuan untuk membincangkan tentang persediaan golongan huffaz sebagai pendakwah dalam konteks pembangunan Islam di Malaysia.

LATARBELAKANG KAJIAN

Kesediaan pendakwah merujuk kepada aspek-aspek yang diperlukan sebagai seorang pendakwah. Wan Hussien Azmi (1984) menjelaskan beberapa sifat yang perlu ada dalam diri pendakwah iaitu menghayati sifat nabi (al-siddiq, amanah, al-tabligh dan al-fatahah), keadilan, meletakkan sesuatu pada tempatnya, menahan marah, sesuatu yang tidak memperlihatkan kejahilan iaitu ilmu pengetahuan dan pengalaman luas, dan pengetahuan yang sebaik-baiknya. Mohd Yusof (2009) pula menyatakan keperluan dalam diri pendakwah adalah berkait dengan faktor kredibiliti atau keupayaan serta kelayakan bagi seseorang menguasai dakwah. Pendakwah yang berkredibiliti mampu mendapat kepercayaan. Malah kredibiliti turut membina profesionalisme seseorang pendakwah.

Keperluan Golongan Huffaz sebagai Pendakwah

Di antara aspek-aspek yang penting bagi seorang huffaz sebagai pendakwah adalah seperti berikut:

i. Kefahaman dan Penghayatan Iman

Iman merupakan asas utama dalam akidah Islam. Asas iman yang kuat membentuk perbuatan ('amal) dan ihsan dalam melaksanakan perintah Allah s.w.t sama ada suruhan dan larangan. Iman dan perbuatan saling berkait antara satu sama lain kerana perbuatan yang disertakan dengan keimanan adalah tergolong dalam definisi orang yang beriman, bertaqwa dan beramal soleh (Sayyid Sabiq, 1991). Definisi iman boleh difahami berdasarkan hadith Nabi s.a.w. Daripada Abi Hurairah r.a, katanya: Pada suatu hari Rasulullah s.a.w sedang berkumpul bersama orang ramai. Secara tiba-tiba Jibril menemui beliau, maka berkata: Ya Rasulullah, apakah itu iman? Jawab Rasulullah s.a.w: Iman ialah beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat-malaikatNya, beriman kepada kitab-kitabNya, beriman kepada rasul-rasulNya, beriman akan menemuiNya, dan beriman kepada hari kebangkitan (al-Bukhāri, 2003). Firman Allah s.w.t:

وَبَشِّرُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ أَنَّهُمْ جَنَّتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ

Maksudnya: “Berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang beriman dan berbuat kebaikan, bahwasanya mereka itu akan memperoleh syurga yang di bawahnya mengalir beberapa sungai.” (Surah al-Baqarah, 2 : 25)

Keimanan terbina dengan keyakinan tanpa ada rasa syak dan ragu. Ia meliputi beriman kepada Allah, malaikat, kitab-kitab wahyu, rasul-rasul, beriman kepada qada dan qadar, dan beriman kepada hari kiamat. Menolak salah satu daripada enam aspek tersebut menyebabkan rosak akidah seseorang. Dalam memenuhi maksud beriman, seseorang mesti membenarkan dengan hati, menyatakan dengan lidah, dan membuktikan dengan mengerjakan ajaran-ajaran yang terkandung di dalam agama Islam (Haron Din, 2002). Menurut ‘Ali Tantawi (1960), orang yang beriman ialah orang yang menyebut tiada tuhan yang disembah melainkan Allah, Muhammad adalah utusan Allah, mereka yang tidak beriktiqad selain al-Qur’ān dan al-Sunnah, mereka yang tidak menghalalkan apa yang diharamkan Allah dan sebaliknya, serta melaksanakan ajaran Islam. Orang beriman pula tidak mudah menuduh seseorang lain sebagai non-muslim kecuali ia telah mengingkari perkara usul dalam agama iaitu akidah Islam.

Oleh itu, pendakwah haruslah memahami konsep keimanan yang betul berdasarkan ahl al-sunnah wa al-jama’ah dalam menggalas tanggungjawab dakwah. Tanpa memahami konsep iman, dakwah tidak dapat dilaksanakan kerana iman merupakan isu utama yang hendak ditangani dalam misi dakwah. Di samping tujuan tersebut, keimanan turut membentuk sifat pendakwah yang sejati dalam menyampaikan kebenaran Islam kepada seluruh manusia. Pendakwah haruslah sentiasa meningkatkan keimanan dengan ilmu berkaitan wahyu, melakukan amalan dan berusaha menjauhi perbuatan maksiat dalam kehidupan.

ii. Berilmu

Perkara yang paling penting bagi seorang pendakwah ialah mempunyai ilmu-ilmu Islam yang berteraskan al-Qur'an dan al-Sunnah. Berilmu merujuk kepada mendalami ilmu yang terkandung di dalam al-Qur’ān, hadith, sirah para rasul, sirah khulafa al-rashidin, sirah salaf al-shaleh dan ilmu berkaitan hukum (Ali Mahfuz, 1952). Penguasaan ilmu bukan untuk menjadi simbol kebanggaan bagi pendakwah kerana ia adalah amanah yang perlu disampaikan dan diamalkan dalam kehidupan muslim. Nabi s.a.w telah bersabda:

عن أبي هريرة قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: من سئل عن علم علمه ثم كتمه أليم يوم القيمة بـلـجام من نار

Maksudnya: “Daripada Abi Hurairah r.a. telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: “Sesiapa yang menyembunyikan ilmunya maka akan dicampakkan dirinya di dalam api neraka di hari kiamat.” (Al-Tirmizi, Muhammad bin ‘Isa bin Saurah (2000), *Shāhīh Sunan al-Tirmizi*. 2649. Kitab al-‘Ilm. Jil. 3. Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasr wa Tauzi.)

Hadith di atas memerintahkan agar umat Islam menyampaikan Nabi s.a.w telah memerintahkan agar disampaikan ilmu berkaitan Islam kerana hak ilmu adalah untuk disampaikan dan kecelakaan bagi mereka yang tidak menyampaikan ilmu (Islam). Pendakwah perlu sentiasa bersungguh-sungguh menyampaikan ilmu yang telah dipelajari. Dalam masa yang sama, pendakwah juga harus menguasai ilmu-ilmu berkaitan dengan dunia dalam usaha menarik manusia kepada Allah s.w.t (Muhammad al-Ghazali, 1965). Ini menunjukkan persediaan bagi pendakwah yang akan berhadapan dengan realiti yang pelbagai yang memerlukan kekuatan ilmu seperti sejarah, geografi, ilmu psikologi masyarakat, dan mengetahui bahasa lain (Ahmad Ghalush, 1978). Oleh itu, dapat difahami bahawa aspek ilmu adalah salah satu perkara yang penting bagi pendakwah sebagai juru pandu manusia kepada ajaran Islam. Ia secara tidak langsung membentuk kredibiliti pendakwah dalam masyarakat kerana sifat orang berilmu akan sentiasa menjadi perhatian orang lain.

iii. Amal Soleh

Amal soleh ialah amalan yang direhui Allah s.w.t, sama ada melalui perbuatan yang selari dengan syariat Islam, dan melalui perbuatan yang mengharapkan keredhaan dan ket�aan kepada Allah. ‘Amal soleh merupakan terjemahan dua kalimah syahadah dalam bentuk amalan dan tingkah laku. Allah s.w.t telah meletakkan kedudukan ‘amal soleh dengan orang yang beriman (Abdul Karim Zaydan, 1998). Dalam hal ini, Allah s.w.t telah berfirman:

وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ لَنَدْخُلَنَّهُمْ فِي الصَّلِحِينَ

Maksudnya: Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh, sudah tentu Kami akan masukkan mereka dalam kumpulan orang-orang yang soleh. (Surah Al-Ankabut, 29:9)

Ayat di atas menjelaskan bahawa sikap orang-orang yang beriman kepada Allah s.w.t, dibuktikan dengan melakukan perintah Allah dengan perbuatan (‘amal) soleh yang terkandung di dalam syariat Islam. Malah kebanyakan ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut mengenai keimanan (āmanu) sentiasa digandingkan bersama dengan perkataan ‘amal soleh (‘amal al-shālih). Abdul Karim Zaydan (1998) menyatakan ‘amal soleh mempunyai pelbagai bentuk sama ada bersifat wajib, sunat dan sebagainya. Amal soleh yang utama ialah sembahyang, puasa, zakat dan haji kerana telah disebutkan secara jelas di dalam hadith.

Selain itu, terdapat pelbagai bentuk amal soleh dalam Islam sama ada ‘amal soleh di antara manusia dan Allah s.w.t, dan ‘amal soleh yang dilakukan dalam hubungan sesama manusia (Abdul Karim Zaydan, 1998). Ini menunjukkan skop ‘amal soleh di dalam Islam sangat luas dan berfokuskan kepada kebaikan (al-khayr). Kebaikan merupakan nilai segala amal seperti mentaati Allah adalah kebaikan, beriman kepada Allah adalah kebaikan, mengamalkan sifat-sifat mulia adalah kebaikan, membuat ihsan adalah kebaikan, berbuat kebaikan adalah kebaikan, kata-kata yang baik adalah kebaikan, meningkatkan taraf hidup adalah kebaikan, meningkatkan keperibadian yang baik adalah kebaikan, dan sebagainya (Haron Din, 2002).

‘Amal soleh yang terkandung di dalam Islam meliputi segala perkara perintah dan tegahan dalam semua aspek kehidupan manusia. Perkara perintah merujuk kepada perkara yang wajib, sunat dan harus. Manakala perkara yang ditegah dirujuk kepada perkara yang makruh dan haram. Seseorang muslim yang beriman sentiasa terpandu dengan kedua-dua perkara ini, menunjukkan gambaran bahawa ia seorang yang taat terhadap perintah Allah kerana sentiasa berlumba-lumba melakukan ‘amal soleh sebagai bekalan di akhirat. Sebagai contoh, Rasulullah s.a.w telah menyebutkan mengenai beberapa bentuk ‘amal soleh yang sangat mudah untuk dilakukan. Sabda Rasulullah s.a.w:

عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ صَدَقَةٌ قَالُوا فَإِنْ لَمْ يَجِدْ قَالَ فَيَعْمَلُ بِيَدِيهِ فَيَنْقُعُ نَفْسَهُ وَيَتَصَدَّقُ قَالُوا فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ أَوْ لَمْ يَفْعَلْ قَالَ
فَيُعِينُ ذَا الْحَاجَةِ الْمَلْهُوفَ قَالُوا فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ قَالَ فَيَأْمُرُ بِالْخَيْرِ أَوْ قَالَ بِالْمَعْرُوفِ قَالَ فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ قَالَ فَيُمْسِكُ عَنِ
الشَّرِّ فَإِنَّهُ لَهُ صَدَقَةٌ

Maksudnya: Ke atas setiap muslim itu sedekah. Seorang telah bertanya: Bagaimana kalau tidak mendapat (sesuatu untuk berbuat demikian)? Jawab Rasulullah: Bekerja dengan tangannya, lalu ia dapat memberi manfaat untuk dirinya dan bersedekah. Kata orang itu lagi: Bagaimana kalau ia tidak dapat berbuat demikian. Jawab Rasulullah: Menolong yang memerlukan pertolongan sama ada yang teraniaya atau yang lemah. Tanyanya lagi: Bagaimana kalau tidak juga terdaya? Jawab Rasulullah: Menyuruh pada yang makruf. Tanyanya lagi: Bagaimana kalau ia tidak juga dapat berbuat demikian? Jawab Rasulullah: Menahan daripada melakukan kejahanatan, itu juga adalah sedekah. (Al-Bukhāri, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail (2003), *Shahih al-Bukhari*. Kitab al-Zakāh, Bab Shadaqah al-Kasbi wa al-Tijārah. 1445)

Dalam hadith di atas, Rasulullah s.a.w telah menjelaskan mengenai empat bentuk ‘amal soleh yang mudah untuk dilakukan iaitu bekerja dan memberi manfaat, menolong orang, menyeru kepada kebaikan, dan menahan diri daripada melakukan kejahanatan. Oleh itu, dapat difahami bahawa melakukan ‘amal soleh adalah perintah Allah s.w.t kepada setiap muslim dalam kehidupan dunia. ‘Amal soleh merupakan bukti keimanan seseorang kepada Allah, malah menjadi jambatan dalam hubungan dengan Allah s.w.t, dan hubungan sesama manusia. Oleh itu, pendakwah haruslah sentiasa memahami konsep ‘amal soleh dan melakukan segala perkara-perkara tersebut dengan penuh keimanan dan ketaqwaan kepada Allah.

iv. Berakhhlak

Akhhlak merupakan inti pati utama dalam dakwah. Akhhlak dirujuk kepada dua perkataan iaitu al-khuluq dan al-khalq. Al-Khalq merujuk kepada gambaran zahir diri manusia, manakala perkataan al-khuluq merujuk kepada gambaran batin manusia. Aspek al-khalq hanya boleh dilihat menerusi mata kasar manusia, sedangkan al-khuluq dirujuk kepada aspek roh atau nafs. Al-Ghazali menyatakan supaya manusia menjaga al-khalq menerusi tujuh pancaindera iaitu tangan, kaki, lidah, mata, telinga, kemaluan dan perut. Manakala dari sudut batin manusia disaran agar mendidik hati dan berusaha melawan nafsu. Akhhlak melibatkan dua

komponen yang akan menyaluti perbuatan manusia menerusi sikap secara zahir dan batin. Akhlak yang baik disebut ‘al-mahmudah’ seperti pemaaf, sabar, dapat mengawal marah, ikhlas dan lain-lain, manakala akhlak yang tidak baik disebut ‘al-mazmumah’ seperti dengki, marah, tidak sabar, mengumpat dan lain-lain akan mengakibatkan kesan negatif dalam kehidupan. Lantaran itu, akhlak muncul secara mudah dan senang, tanpa berfikir dan membuat apa-apa pertimbangan. Kalau sekiranya perbuatan atau perlakuan yang muncul elok dari pandangan akal dan syarak, maka keadaan itu diistilahkan sebagai akhlak yang baik, namun sekira sebaliknya, maka ia dinamakan sebagai akhlak yang buruk (Zakaria Stapa, 2001).

Pendakwah haruslah mempunyai akhlak yang baik (mahmudah). Akhlak yang baik sentiasa menjadi cerminan bagi pendakwah dan mendorong orang lain untuk mengikuti. Rasulullah s.a.w merupakan contoh akhlak yang terbaik sesama manusia. Dalam satu hadith yang diriwayatkan oleh al-Tirmidzi menyebutkan:

قال الحسين: سأله أبي عن سيرة النبي صلى الله عليه وسلم في جلسائه. فقال: كان رسول الله صلى الله عليه وسلم دائم البشر سهل الخلق لين الجانب ليس بفظ ولا غليظ ولا صخاب ولا فحاش ولا عياب ومشاح يتغافل عمما لا يشتهي ولا يؤييس منه راجيه ولا يحب فيه

Maksudnya: Husain r.a berkata: “Aku bertanya kepada ayahku mengenai perjalanan hidup Rasulullah”. Ayahku menjawab: “Rasulullah seorang yang memiliki wajah yang ceria, suka mempermudahkan urusan, mempunyai perasaan yang lembut, sikap dan hati beliau tidak kasar, bukan seorang yang suka berkelahi atau menggunakan kata-kata keji, tidak memburuk-burukkan sesuatu dan bukan seorang yang kedekut. Beliau tidak mengambil tahu hal-hal yang beliau anggap sia-sia, beliau juga tidak suka menghamparkan permintaan orang lain dan apabila tidak suka dengan permintaan itu beliau menolaknya dengan baik.

Hadith di atas menggambarkan bahawa Rasulullah s.a.w mempunyai perwatakan yang sangat mulia dalam berhubungan sesama manusia iaitu ceria, memudahkan urusan, berlemah lembut, berlapang dada, tidak menghina dan tidak bakhil. Kemuliaan akhlak yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w dalam hubungan sesama manusia telah menarik perhatian dan mempengaruhi orang lain untuk memeluk Islam. Akhlak yang terpuji adalah salah satu tarikan dakwah yang menyebabkan naluri manusia mudah tertarik kepada Islam (Ahmad Ghalush, 1978).

Selain itu, terdapat beberapa akhlak bagi yang perlu bagi seseorang pendakwah. Antaranya adalah seperti berikut:

- a. Bersikap Benar: Pendakwah mestilah bersifat benar dalam menyampaikan mesej Islam kepada golongan muslim dan non-muslim. Bersikap benar adalah lahir daripada keimanan seseorang tanpa sebarang perkara yang meragukan. Berbeza dengan golongan Nasrani telah mengubah-ubah kebenaran ajaran mereka dengan memenuhi kehendak nafsu semata-mata. Kebenaran yang telah diubah-ubah mengikut cita rasa mereka menunjukkan mereka sebagai golongan yang terlampaui serta mengingkari perintah

Allah. Ataupun berbohong di atas nama agama. Menurut al-Faruqi, Islam memperakukan golongan Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) dengan melihat mereka sebagai pendapat lain, tetapi sebagai de jure iaitu agama yang sebenar diturunkan Allah. Islam menyebut Tuhanya dan Tuhan agama tersebut (Yahudi dan Nasrani) adalah sama. Namun perselisihan dengan Yahudi dan Nasrani dianggap percanggahan dalam khususnya aspek tauhid dan iman dalam keluarga keagamaan yang satu dan sama (al-Faruqi, 2008). Sekalipun bersikap benar kadang kalanya berat atau pahit, namun ia adalah tanggungjawab dalam diri. Ia sangat penting bagi pendakwah kerana setiap perkara yang disampaikan adalah amanah Allah. Berdusta kepada manusia dalam dakwah bererti mengkhianati amanah Allah (Ahmad Ghalush, 1978). Dalam hal, Rasulullah s.a.w telah bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: بَلَغُوكُمْ عَنِي وَلَوْ آتَيْتُكُمْ عَنْ بْنِ إِسْرَائِيلَ وَلَا
حَرَجٌ مِّنْ كَذْبٍ عَلَيْيَ مَتَعْمِدًا فَلَيَتَبَوَّأْ مَقْعِدَهُ مِنَ النَّارِ

Maksudnya: “Daripada ‘Abd Allah bin ‘Amru berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w: “Sampaikanlah dari aku kepada sesiapa, walaupun satu ayat (sedikit), dan beritahulah kepada sesiapa mengenai Bani Israel tanpa rasa berat. Dan barangsiapa membohongi ke atas aku dengan sengaja, maka bersediahlah untuk masuk neraka.” (Al-Bukhāri, Abu Abdullah Muhammad b. Ismail (2003), *Shahih al-Bukhari*. Kitab al-Anbiya, Bab Ma Zukira ‘an Bani Isrāil. 1710.)

- b. Amanah: Amanah adalah sifat yang sangat dititikberatkan di dalam Islam. Sikap amanah adalah bertunjangkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.a.w. Sehubungan itu, orang yang beriman kepada Allah sentiasa melaksanakan amanah dengan baik. Dalam hal ini, Allah s.w.t telah berfirman

فَلَيَوْدُدَ الَّذِي أَوْتَنَّنِي أَمْنَتَهُ وَلَيَتَقَبَّلَ اللَّهُ رَبِّهُ

Maksudnya: Maka hendaklah orang yang dipercayai itu menyempurnakan apa yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhanya. (Surah al-Baqarah, 2:283)

Dalam ayat di atas, Allah memerintahkan umat Islam agar melaksanakan amanah dengan penuh ketaqwaan. Setiap amanah wajib dipelihara dan ditunaikan mengikut kapasiti di dalam amanah tersebut. Amanah mempunyai saiz yang luas meliputi tanggungjawab, undang-undang, ekonomi, kepimpinan dan sebagainya. Namun amanah yang besar di dalam diri muslim ialah mematuhi iman dan menghayatinya serta memberikan hak kepada yang berhak (Haron Din, 2002). Oleh itu, beramanah dalam dakwah akan menjadi tempat kepercayaan dan penghormatan orang lain, sebaliknya orang yang khianat akan menjadi tempat kemarahan orang lain. Pendakwah yang beramanah akan terhindar daripada perbuatan khianat, rasuah dan salah guna kuasa yang boleh memberi fitnah kepada agama Islam secara tidak langsung.

- c. Lemah Lembut: Sifat lemah lembut merupakan salah satu pendekatan dakwah yang sangat dituntut (Abdullah Nasih Ulwan, 1985) kerana boleh menyenangkan hati orang lain (Ali Mahfuz, 1952) terhadap Islam. Allah s.w.t berfirman:

فِيمَا رَحْمَةً مِنَ اللَّهِ لِنَتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَطَّا غَلِظَ الْقَلْبُ لَانْفَضُوا مِنْ حَوْلِكَ

Maksudnya: Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaularang engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. (Surah Ali Imran, 3: 159)

Dalam ayat di atas, Allah memerintahkan agar sentiasa berlemah lembut kepada golongan sasaran dakwah kerana sikap keras boleh menyebabkan mereka lari daripada dakwah. Dalam ayat lain, Allah telah memerintahkan Nabi Musa a.s agar pergi berdakwah kepada firaun yang kufur dan sompong dengan kaedah yang lemah lembut (Surah Taha, ayat 43 hingga 44). Oleh itu, pendakwah harus mempamerkan sifat lemah lembut sebagai tauladan yang boleh diikuti, sehingga manusia akan mengikuti atau tertarik serta terpengaruh untuk menerima dakwah (Abdullah Nasih Ulwan, 1985).

d. Ikhlas: Ikhlas adalah ruh dalam agama dan sebagai asas penerimaan ibadah manusia kepada Allah. Ikhlas adalah suatu perkara yang berhubung dengan hati atau niat seseorang (Muhammad Al-Ghazali, 1965). Maka keikhlasan pendakwah dalam menyampaikan Islam akan turut memberikan kesan kepada hati golongan sasaran. Allah s.w.t telah memerintahkan manusia agar melakukan perbuatan dengan ikhlas dan penuh ketaqwaan. Allah s.w.t telah memerintahkan manusia agar sentiasa ikhlas dalam segala perbuatan yang dilakukan sebagaimana firman-Nya:

وَمَا تَفَرَّقَ أَلَّذِينَ أُتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُمُ الْبَيِّنَاتُ

Maksudnya: Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid. (Surah al-Bayyinah, 98: 4)

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t menjelaskan bahawa perintah melaksanakan ibadah dengan ikhlas tidak boleh dinilai secara zahir, namun ianya berpaksikan kepada keimanan dan ketaqwaan dalam melakukan perbuatan semata-mata kerana Allah. Implikasi daripada sifat tersebut, pendakwah akan sentiasa menahan diri daripada bersifat riyak dan niat yang buruk. Pendakwah mestilah sentiasa meningkat tahap keikhlasan dengan dipupuk dalam melakukan perbuatan sehingga merasa seolah-olah melihat Allah dan merasai kehadiran Allah sepetimana terkandung dalam definisi ihsan. Sebaliknya, tanpa pemupukan keikhlasan dalam hati, maka sikap mazmumah akan menguasai seperti riak, tamak, dengki dan sebagainya.

e. Tawaduk: Tawaduk ialah sifat merendah diri tanpa melampau (al-Ghazali, 1989). Rendah diri adalah salah satu sifat yang membantu dalam hubungan baik di antara pendakwah dan golongan sasaran (Ahmad Ghalush, 1978) sebagaimana firman Allah:

وَأَخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ

Maksudnya: Dan hendaklah engkau merendah diri kepada pengikut-pengikutmu dari orang-orang yang beriman. (Surah al-Shuara' 26 : 215)

Dalam ayat di atas, Allah memerintahkan kepada umat Islam agar bersikap merendah diri dalam dakwah dengan lemah lembut (Ibn Kathir, t,th) serta layanlah mereka dengan cara yang sebaik-baiknya kerana demikian akan dapat menawan hati mereka. Oleh itu, sifat tawaduk dapat membantu pendakwah menyuburkan perasaan kasih sayang, serta mampu menjadi contoh yang baik (Ahmad Mahmud, 1996) dan memberikan kesan positif terhadap agama Islam.

- f. Tidak Bakhil: Bakhil ialah bersifat kedekut atau kikir (Kamus Dewan, 2007). Terdapat dua sudut pandangan mengenai sifat bakhil:

Pertama, Ali Mahfuz (1952) telah melihat sifat bakhil daripada sudut ilmu, iaitu terdapat pendakwah yang tidak mahu menyampaikan ilmu atau dakwah kepada orang lain. Sifat bakhil tersebut merujuk kepada menyembunyikan ilmu sebagaimana ditegaskan dalam hadith Rasulullah s.a.w bahawa hak ilmu adalah untuk disampaikan.

Kedua, al-Ghazali (1989) menyatakan bakhil dari sudut harta, iaitu mereka yang tamak, mereka yang kedekut atau kikir dan tidak bermurah hati, kerana harta menjadi alat untuk membantu orang lain dan akan dipertanggungjawabkan di akhirat mengenai ke arah mana ia dimanfaatkan. Dalam hal ini, Allah s.w.t telah berfirman:

وَلَا يَحْسَبَنَّ الَّذِينَ يَعْخُلُونَ بِمَا أَتَاهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَّهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ سَيِطُوا قُوَّةً مَا بَخِلُوا بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ

Maksudnya: Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka dari kemurahanNya - menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalongkan (diseksa) dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada hari kiamat kelak. (Surah Ali Imran, 3: 180)

Dalam ayat di atas, al-Quran menjelaskan bahawa sifat bakhil terhadap harta yang telah dikurniakan Allah akan mendapat balasan di akhirat. Oleh itu, dapat dinyatakan pendakwah mestilah tidak bersifat bakhil dan sentiasa berkongsi dengan nikmat Allah yang diberikan sama ada ilmu dan harta. Orang yang pemurah sangat disukai dan dikasihi orang lain.

- g. Melakukan apa yang disampaikan

Pendakwah haruslah melakukan apa yang telah disampaikan atau dikatakan dan bukan suatu pendustaan atau hipokrit (Ali Mahfuz, 1952). Dalam hal, ini Allah s.w.t telah berfirman:

أَتَأْمُرُونَ النَّاسَ بِالْإِيمَانِ وَتَنْهَىُونَ أَنفُسَكُمْ وَأَتُمُّ تَنْهِيُونَ أَكْتَبْتُ أَفَلَا تَعْقِلُونَ

Maksudnya: Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; Padahal kamu semua membaca kitab Allah. (Surah al-Baqarah, 2: 44)

Dalam ayat di atas, Allah s.a.w menyatakan tentang sikap orang Yahudi yang mengetahui tentang kitab Allah, namun mereka tidak melakukan apa telah diperintahkan. Walaupun ayat tersebut ditujukan di atas sikap Yahudi, namun ianya juga mengingatkan orang yang beriman agar melakukan perbuatan dengan apa yang dikatakan, sepetimana disebutkan di dalam surah al-Sāf, ayat 2 hingga 3: “Wahai orang-orang yang beriman! mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melukannya! Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melukannya.” Oleh itu, perbuatan melakukan apa yang telah disampaikan (kandungan Islam), adalah salah satu sifat pendakwah yang sentiasa menjadi perhatian manusia di sekeliling.

h. Penampilan Personaliti: Salah satu perkara yang menjadikan perhatian terhadap pendakwah ialah penampilan pendakwah. Ianya bertujuan untuk membentuk personaliti atau imej dalam keadaan yang sederhana dan tidak berlebihan semata-mata memenuhi tuntuan Islam agar sentiasa bersih dan berkeadaan cantik. Contohnya menjaga kebersihan diri, pakaian yang bersih dan kemas, keterampilan, dan berwangi-wangian. Menurut Rozmi (2011), penampilan menarik dilihat sebagai berpengaruh dalam tarikan interpersonal dan keutamaan dalam interpersonal. Walaupun faktor kecantikan dianggap mudah disukai, namun keadaan fizikal seseorang seperti kekemasan, penampilan dan pakaian turut menarik perhatian. Al-Tirmizi telah menyatakan mengenai fizikal Rasulullah s.a.w yang menjadi perhatian di kalangan sahabat. “Sa‘id al-Jurairi berkata: “Aku mendengar Abu Thufail berkata”:

**رأيت النبي صلى الله عليه وسلم وما بقي على وجه الأرض أحدا رأه غيري. قلت: كأن أبىض مليحا
مقصدا**

Maksudnya: “Aku pernah melihat Rasulullah s.a.w dan tidak ada orang pun yang masih hidup di permukaan bumi ini yang pernah melihat beliau selain aku. “Sa‘id al-Jurairi berkata: “Jelaskan sifatnya kepadaku.” Abu Thufail menjawab: “Beliau putih, tampan dan sederhana.”

Ini menunjukkan bahawa Rasulullah s.a.w suka dengan pakaian cerah berwarna putih yang lebih cenderung dengan sifat bersih dan suci serta bersederhana. Manakala perwatakan Rasulullah s.a.w adalah seorang yang bersederhana. Menurut al-Qardhawi, Islam telah memerintahkan seseorang muslim agar berpenampilan menarik, berwibawa, anggun, menikmati perhiasan, pakaian dan perhiasan yang dicipta Allah s.w.t. Pakaian di dalam Islam bertujuan untuk menutup aurat dan juga berhias (surah al-A’raf, 26). Rasulullah s.a.w menggalakkan kebersihan pakaian, tubuh, rumah, alam sekitar, bahkan terhadap bahagian yang lebih khusus seperti gigi, tangan dan kepala. Kebersihan atau kesucian merupakan syarat dalam ibadah yang paling utama meliputi aspek kesucian badan, pakaian dan tempat ibadah (al-Qardhawi, 2009). Oleh itu, dapat dinyatakan bahawa penampilan personaliti yang menyenangkan dilihat menjadi salah satu sifat pendakwah.

ix. Kemahiran lisan (Communication skill)

Kemahiran lisan merupakan satu aspek yang sangat penting dalam menyampaikan mesej dakwah kepada golongan sasaran. Pendakwah haruslah memiliki kemahiran lisan dalam menyatakan idea dengan jelas, fasih dan meyakinkan mad'u. Malah para pendakwah mestilah bijak dalam kemahiran secara verbal dan non-verbal. Kepentingan kemahiran lisan dalam dakwah, adalah sebagaimana disebutkan di dalam al-Qur'an berkaitan doa Nabi Musa a.s untuk membawa Nabi Harun a.s dalam misi mengajak Firaun kepada kebenaran Islam (Mohd Yusof Hussain, 2009). Dalam hal, ini Allah s.w.t telah berfirman:

أَذْهَبْ إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ قَالَ رَبِّ أَشْرَحْ لِي صَدْرِي وَيَسِّرْ لِيْ أَمْرِي وَأَخْلُلْ عَقْدَةَ مِنْ لِسَانِي يَفْقَهُوا قَوْلِي وَاجْعَلْ
لِي وَزِيرًا مِنْ أَهْلِي هُرُونَ أَخِي

Maksudnya: Pergilah kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas. Nabi Musa berdoa dengan berkata: “Wahai Tuhan, lapangkanlah bagiku, dadaku. Dan mudahkanlah bagiku, tugasku. Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku. Supaya mereka faham perkataanku. Dan jadikanlah bagiku seorang penyokong dari keluargaku. Iaitu Harun, saudaraku.” (Surah Tâha 16: 24-30)

Dalam ayat di atas, Allah s.w.t memerintahkan Nabi Musa a.s agar pergi kepada Firaun yang melampaui batas kekufuran dan kezaliman. Dalam amanah ini Nabi Musa memohon agar Nabi Harun menjadi pembantunya kerana beliau petah berkata-kata dan mempunyai sifat lemah lembut (Abdullah Basmeih, 2010). Ini menunjukkan kemahiran lisan menjadi faktor penting dalam dakwah. Oleh itu, dapat difahami bahawa faktor kemahiran lisan merupakan salah satu faktor yang boleh menarik perhatian golongan non-muslim kepada Islam.

x. Kemahiran memahami psikologi kumpulan sasaran dakwah

Kemahiran memahami psikologi kumpulan sasaran sangat penting untuk difahami oleh pendakwah. Ia membantu pendakwah memahami apa yang menjadi keperluan bagi sesetengah golongan dalam masyarakat. Menurut Rozmi (2011), memahami psikologi masyarakat dapat dilihat dengan asas hakikat manusia sebagai makhluk sosial yang dikelilingi oleh persekitaran kehidupannya. Psikologi masyarakat juga lebih memperincikan tentang manusia berkaitan tingkahlaku melalui persekitaran yang dialami. Pendakwah haruslah mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam memahami psikologi kumpulan masyarakat dalam menyampaikan ajaran Islam. Dalam aspek psikologi social, pendakwah boleh memahami enam kumpulan dalam masyarakat sosial, seperti mana dinyatakan Ideris (1995):

1. Psikologi masyarakat terdiri daripada kumpulan masyarakat pinggiran, kampung, desa, kota, bandar, pekan dan sebagainya.
2. Psikologi masyarakat dari segi struktur institusi sosial seperti keluarga, masyarakat dan negara.

3. Psikologi masyarakat dari segi sosiobudaya seperti golongan istana, bangsawan, awam, rakyat dan lain-lain.
4. Psikologi masyarakat dari segi umur seperti kanak-kanak, belia, pemuda, remaja, dewasa dan orang tua.
5. Psikologi masyarakat dari segi profesionalisme bidang pekerjaan seperti petani, nelayan, pedagang, seniman, buruh, pegawai, pentadbir, guru dan sebagainya.
6. Psikologi masyarakat dari segi taraf kehidupan sosioekonomi seperti orang kaya, menengah, miskin dan fakir.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa golongan huffaz harus memiliki sifat-sifat da’ie sebagai keperluan menjadi pendakwah yang berkredibiliti dalam masyarakat. Sifat-sifat tersebut ialah aspek keimanan, ‘amal soleh, berakhhlak, kemahiran lisan dan kemahiran memahami psikologi kumpulan sasaran. Manakala dalam aspek akhlak, pendakwah haruslah bersikap benar, amanah, berlemah lembut, ikhlas, tawaduk, tidak bakhil, melakukan apa yang disampaikan dan mempunyai penampilan personaliti yang baik. Secara tidak langsung ia juga merupakan aspek-aspek bi al-hal yang telah ditekankan oleh Nabi s.a.w dalam kehidupan seorang muslim. Walaupun demikian, kesediaan tidak terhad aspek-aspek yang dibincangkan di atas, bahkan seorang pendakwah harus mempunyai hubungan yang kuat dengan Allah s.w.t, tidak putus asa dalam menyampaikan ajaran Islam, sentiasa berusaha dengan penambahbaikan dan bertawakal serta bersabar terhadap cabaran yang dihadapi dalam jalan dakwah.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada kertas konsep daripada geran penyelidikan universiti (Kod Geran Penyelidikan: 2019-0085-107-01). Terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Na‘im Muhammad Hussain. (1984). *Al-Da’wah ila Allah ‘ala Bashirah*. Beirut: Dār al-Kutub al-Islāmiyyah.
- ‘Abdul Karim Zaydān. (1998). *Usūl al-Da’wah*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Abdullah Basmeih. (2010). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dengan Pengertian al-Qur’ān*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdullah Nasih ‘Ulwan. (1985). *Akhlaq Para Pendakwah*. Terj. Othman Mustafa. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Abū ‘Abd Allāh Muhammad bin Ismā‘il al-Bukhāri. (2003). *Sahih al-Bukhāri*. Al-Shaykh Muhammad Fuad ‘Abd al-Bāqiy. Kāherah: Maktabah al-Shafa.

Ahmad Mahmud Abu Zaid. (1996). *Pendakwah Masa Kini*. Terj. Usamah b. Hussein. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah.

Al-Faruqi, Ismail Raji. (2008). *Islam dan Kepercayaan Lain*, terj. Zulkiple Abd Ghani. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd.

Al-Ghazali. (1989). *Bimbingan Mukmin Pada Mencari Redha Rabb al-‘ālamin*. Terj. Muhammad Jamaluddin al-Qāsimiyy. Singapura: Pustaka Nasional Ltd.

Al-Qardhawi, Yusuf. (2009). *Halal dan Haram Menurut Pespektif Islam*. Terj. Abu Jabir Muhammad, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Al-Tirmizi, Muhammad bin ‘Isa bin Saurah. (2000). *Shāhīh Sunan al-Tirmizi*. Jil. 3. Riyādh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nasr wa Tauzi‘.

Ali Mahfuz. (1952). *Hidāyah al-Mursyidin wa Ṭurūq ilā al-Wa‘z wa al-Khitābah*. Kaherah: Dār al-I‘tiṣām.

Ghalūsh, Ahmad Ahmad. (1978). *Al-Da‘wah al-Islamiyyah Usūliha wa wasa iluha*. Kaherah: Dār al-Kitab al-Misriy.

Harun Din. (2002). *Manusia Dan Islam*. Jil. 1 dan 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Samadi Ahmad. (2021). Sasaran 12500 Golongan Huffaz Profesional Tahun 2050. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/08/746455/sasaran-125000-golongan-huffaz-profesional-tahun-2050>

Ibn Kathir, ‘Imanuddin Abi al-Fida’ Ismail. (t.th). *Tafsir Al-Qur’ān al-‘Azim*. Al-Haramayn: Lit al-Tibā‘ah wa al-Nasr wa Tauzi‘.

Ideris Endot. (1995). *Peranan Psikologi Masyarakat Islam*. Dlm. *Sidi Gazalba & Zainab Ismail* (pnyt.) Dakwah Islamiah Malaysia Masa Kini, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Imam Tirmizi. (2011). *Syamail Muhammadiyyah*. terj. Faslin Syarina Salim. Kuala Lumpur: PTS Islamika Sdn Bhd.

Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2007), 112, entri “bakhil”.

Mohd Yusof Hussain. (2009). *Qualities of A Credible Dā'i. Dalam Readings in Islamic Da‘wah*, ed. Mohd. Yusof Hussain. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.

Muhammad Al-Ghazali. (1965). *Maā‘ Allah, Dirāsāh fi al-Da‘wah wa al-Dā‘ah*. Kaherah: Dār al-Kitab al-Hadithah bi Misr.

Rozmi Ismail. (2011). *Psikologi Sosial*, Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Sayyid Sabiq, *Akidah Islam, Pola Hidup Manusia Beriman*, terj. M.Abdai Rathomy. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Tantawi, 'Ali. (1960). *Fusūl al-Islāmiyyah*, Damsyik: Dār al-Manār.

Wan Hussien Azmi. (1984). *Ilmu Dakwah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Zakaria Stapa. (2001). *Akidah & Akhlak Dalam Kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publicatins & Distributors.